Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 10, e001818
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1818

Persepsi Pelajar Pintar dan Berbakat Terhadap Penggunaan Filem dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Subjek Sejarah

(Perceptions of Gifted and Talented Students towards the Use of Film in Learning and Facilitating History Subject)

Nurul Hafizah Maarof[1*], Nurul Suzaina Joli[2], Norfiza Apfandi[3], Nor Syamilah Md Zain[4], Rorlinda Yusof[5]

[1]Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: nurhafiedz83@ukm.edu.my
[2]Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: nurulsuzaina@ukm.edu.my
[3]Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: norfizaza@ukm.edu.my
[4]Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: norsyamilahmdzin@ukm.edu.my
[5]Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: rorlinda@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Nurul Hafizah Maarof
(nurhafiedz83@ukm.edu.my)

KATA KUNCI:
Persepsi
Filem
Pelajar Pintar dan Berbakat

KEYWORDS:
Perception
Film
Gifted and Talented Students

CITATION:
Nurul Hafizah Maarof et al. (2022). Persepsi Pelajar Pintar dan Berbakat Terhadap Penggunaan Filem dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Subjek Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(10), e001818. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1818

ABSTRAK

Penggunaan filem dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) merupakan salah satu alternatif yang digunakan oleh para pendidik bagi menarik minat pelajar untuk mempelajari subjek Sejarah. Ia merangkumi elemen penting seperti semangat patriotisme serta nilai-nilai murni yang dapat disampaikan kepada pelajar dengan kaedah santai dan menyeronokkan berbanding kaedah konservatif. Dalam kajian ini, terdapat tiga persoalan utama telah dikenal pasti antaranya tahap persepsi pelajar pintar dan berbakat (PB) terhadap keberkesanan filem dalam PdPc, perbezaan min bagi konstruk keberkesanan filem dalam PdPc, dan tahap kefahaman pelajar PB terhadap keberkesanan filem dalam PdPc subjek Sejarah. Oleh yang demikian, bagi menilai persepsi pelajar terhadap penggunaan filem dalam PdPc bagi subjek Sejarah, seramai 84 orang pelajar PB dari Kolej GENIUS@Pintar Negara, UKM telah dipilih secara bertujuan bagi memenuhi keperluan kajian ini. Kesemua responden terdiri daripada pelajar Tahap 1 yang berumur lingkungan 15 hingga 16 tahun. Instrumen skala likert digunakan bagi menilai item-item yang dijadikan kayu ukur terhadap persepsi pelajar PB antaranya konstruk sikap, motivasi, kemudahan akses dan kemahiran pemikiran Sejarah (KPS). Perisian SPSS V 2.0 digunakan bagi menganalisis data-data tersebut. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan filem dalam PdPc telah memberikan kesan yang memberangsangkan kepada pelajar PB untuk mempelajari subjek Sejarah. Selain itu, inisiatif ini turut memberi galakan kepada pengkarya filem untuk

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

menghasilkan lebih banyak lagi filem yang bergenre Sejarah kerana ia secara langsung dapat menyumbang dalam PdPc yang lebih kreatif. Kajian lanjutan berkaitan filem dalam PdPc subjek Sejarah juga harus dijalankan agar ianya dapat dimanfaatkan oleh para guru, pengkaji serta pengkarya seni tanah air pada masa akan datang.

ABSTRACT

The use of films in learning and facilitation (PdPc) is one of the alternatives used by teachers to attract students' interest in learning history. It includes important elements such as patriotism and values that can be conveyed to students in an attractive way compared to the conservative method. In the study, there are three main questions are identified: the level of gifted and talented (PB) students' perception of the effectiveness of films in PdPc; the mean difference for the construct of film effectiveness in PdPc; and the level of PB students' understanding of the effectiveness of films in PdPc of the history subject. A total of 84 PB students from GENIUS@Pintar Negara College, UKM were purposefully selected to meet the needs of this study. All respondents consist of level 1 students aged 15 to 16. Likert-scale tools are also used to assess elements that are used including attitudes, motivations, access facilities, and historical thinking skills (KPS). The SPSS V 2.0 software has also been used for data analysis. Therefore, the results of the study show that the use of films in PdPc has a positive impact on PB students. Moreover, this initiative encourages filmmakers to produce films in the historic genre, as it directly contributes to a more creative PdPc in history. Further studies related to films in the PdPc of history subject should also be carried out so that it can be used by teachers, researchers, and filmmakers in the country in the future.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menjelaskan tentang keberkesanan penggunaan filem dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) subjek Sejarah. Kajian ini juga dapat menjadi panduan kepada pihak industri perfileman untuk menghasilkan filem yang bergenre Sejarah dengan fakta yang tepat dalam menyumbang ke arah PdPc yang lebih kreatif selari dengan perkembangan pendidikan semasa.

1. Pengenalan

Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dalam subjek Sejarah perlu dinamik agar ianya sentiasa selari dengan perkembangan pedagogi pendidikan semasa. Ianya bertujuan untuk memastikan PdPc subjek Sejarah sentiasa relevan dan dapat menarik minat pelajar untuk mempelajarinya. Menurut Lezah @ Lejah dan Rosy (2018) kepelbagaian kaedah PdPc berupaya menjadi pemangkin kepada perkembangan positif sikap dan minat pelajar dalam mata pelajaran Sejarah yang dikatakan sebagai subjek yang membosankan. Filem yang berkonsepkan Sejarah mempunyai potensi dalam menarik minat serta memotivasikan pelajar terhadap subjek Sejarah itu sendiri dengan cara menjadikan kemudahan elektronik sebagai salah satu budaya dalam dunia persekolahan mereka (Donelly, 2014). Pendekatan filem sebagai salah satu alat bantuan mengajar dalam PdPc

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

subjek Sejarah dapat menepis tanggapan bahawa pembelajaran Sejarah hanya melibatkan penghafalan fakta semata-mata adalah tidak benar.

Filem merupakan salah satu bahan mengajar yang efektif dalam memberi penjelasan kepada pelajar mengenai teori, peristiwa dan konsep Sejarah seolah-olah mereka berada dalam layar tersebut. Melalui filem, ianya dapat membantu pelajar dalam mengimbas kembali peristiwa yang telah berlaku menerusi audio dan visual dengan lebih menarik. Pelajar pintar dan berbakat (PB) berkembang pada tahap yang berbeza daripada rakan-rakan sebaya mereka dari aspek intelek dan emosi (Feyzullah Sahin & Faruk Levent, 2015; Kangas, Cook, & Rule, 2017). Pelajar PB dapat mengoptimumkan potensi mereka dalam melakukan analisa, interpretasi, imaginasi, membuat refleksi dan seterusnya menjiwai pengajaran yang terdapat dalam filem tersebut dalam situasi pembelajaran yang menarik.

1.1. Persoalan Kajian

Menurut Rosy (2014) ramai pelajar beranggapan bahawa subjek Sejarah adalah subjek yang membosankan dan mempunyai banyak fakta yang perlu dihafal. Bagi menggantikan kaedah konservatif dengan kaedah yang lebih kreatif dan menarik dalam PdPc subjek Sejarah, penggunaan filem digunakan sebagi alat bantu mengajar agar ianya dapat disesuaikan dengan tahap pemikiran dan intelektual pelajar PB. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengukur persepsi penggunaan filem dalam PdPc subjek Sejarah di kalangan pelajar PB, dengan mengambil kira beberapa konstruk kajian antaranya sikap, motivasi, kemudahan akses dan kemahiran pemikiran Sejarah (KPS). Bagi tujuan ini beberapa soalan kajian telah dikenal pasti.

i. Apakah tahap persepsi pelajar PB terhadap keberkesanan filem dalam PdPc subjek Sejarah?
ii. Apakah perbezaan min bagi konstruk keberkesanan filem dalam PdPc subjek Sejarah?
iii. Apakah tahap kefahaman pelajar PB terhadap keberkesanan filem dalam PdPc subjek Sejarah berdasarkan gred?

2. Sorotan Literatur

Banyak kajian telah membincangkan berkaitan dengan penggunaan filem dalam PdPc subjek Sejarah namun amat sedikit yang mengkhususkan terhadap penggunaan filem dalam PdPc Sejarah di kalangan pelajar PB. Dalam kajian Donelly (2014) beliau membahaskan bahawa penggunaan filem dalam PdPc subjek Sejarah mempunyai potensi serta impak positif terhadap perkembangan serta kesedaran Sejarah di kalangan pelajar lantas mencadangkan bahawa mekanisme ini amat berkesan untuk digunakan di dalam kelas. Hasil dapatan kajian Wagner (2018) beliau menyatakan bahawa penggunaan filem yang digunakan secara meluas di dalam kelas bukan sahaja dapat menyokong isi kandungan pembelajaran atau buku teks yang digunakan malahan ianya juga dapat menggalakkan KBAT di kalangan pelajar.

Menurut kajian Paxton dan Marcus (2018) tidak jelas bila tempoh masa bermulanya guru menggunakan kaedah tontonan filem untuk mengajar golongan muda berkenaan peristiwa yang telah berlalu, namun pada tahun 1920an, para pengkaji sudah mengkaji penggunaan filem di dalam kelas Sejarah secara sistematik. Hari ini, ianya berkait dengan pedagogi moden yang diamalkan oleh guru dalam pengajaran sehingga menerbitkan satu bentuk kaedah media dalam pendidikan Sejarah melebihi dari wayang tradisional atau sekadar filem dokumentari. Hasil kajian Samina (2018) beliau menghasilkan kajian

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

berdasarkan pengalaman beliau dalam menggunakan filem dalam pembelajaran di dalam kelas bagi program *International Baccalaureate*. Beliau mendapati bahawa banyak manfaat yang diperoleh melalui filem antaranya dari aspek intelektual dan emosional. Beliau juga menegaskan bahawa filem boleh dijadikan sebagai salah satu medium pengajaran untuk membina pengetahuan yang kolaboratif di kalangan pelajar.

Hasil kajian Kangas, Cook, dan Rule (2017) pelajar PB mempunyai perkembangan tumbesaran yang berbeza berbanding rakan-rakan yang seusia dengan mereka yang memerlukan kepada kaedah pendidikan yang lebih bersesuaian. Masalah juga timbul apabila perkembangan emosi dan sosial yang tidak seiring yang menyebabkan orang awam melihat mereka sebagai individu yang bermasalah dari aspek identiti. *Cinematherapy* digunakan untuk membantu pelajar PB dalam meneroka identiti mereka melalui analisis tindakan watak-watak berbakat dalam filem. Dalam kajian Muhammad Azmi (2017) beliau menegaskan bahawa penggunaan filem yang berunsurkan Sejarah di dalam kelas adalah sebagai salah satu alternatif bagi mewujudkan suasana persejarahan bagi menggantikan kaedah konvensional seperti lawatan muzium dan arkeologi. Ianya bersesuaian dengan perkembangan teknologi yang menawarkan pembelajaran yang lebih fleksibel dan praktikal yang mana ianya boleh dimainkan oleh apa-apa peralatan dan perisian di dalam kelas.

Menurut kajian Donelly (2014) beliau mendapati bahawa 83% para responden bersetuju bahawa penggunaan filem dalam kelas pengajaran Sejarah telah meningkatkan sifat empati dalam diri pelajar. Ianya juga membawa suasana pembelajaran Sejarah yang seolah-olah 'hidup' melalui imaginasi dan visual yang terdapat dalam filem. Para responden juga menyatakan bahawa filem amat berkesan untuk pengajaran dan kefahaman pelajar. Dalam kajian Metzger (2010) filem sememangnya digemari dan menjadi budaya oleh sebahagian besar golongan belia yang menyebabkan ianya mudah untuk menjadi daya penarik kepada pelajar untuk menggemari subjek Sejarah.

2.1. Kriteria Pelajar Pintar dan Berbakat

Rajah 1 merupakan sebuah teori yang dikenali sebagai *The Three-Ring Conception of Giftedness* yang menggambarkan dimensi utama bagi potensi manusia yang produktif dan kreatif.

Rajah 1: *The Three-Ring Conception of Giftedness*



Sumber : Renzulli (2012)

Teori ini terdiri dari 3 komponen utama yang saling berhubung-kait iaitu *above average ability* yang merangkumi penaakulan lisan dan nombor, penggubahan lagu, tarian balet, dan eksperimen. Diikuti *task commitment* yang meliputi perbuatan yang disulami dengan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

ketekunan, tekad, berkehendak dan aura positif. Terakhir sekali adalah *creativity* iaitu rasa ingin tahu, kepintaran, dan kesediaan untuk mencabar kebiasaan yang sedia ada (Renzulli, 2012). Terdapat banyak ciri-ciri yang boleh dikenal pasti daripada pelajar PB sejak mereka kecil lagi antaranya suka meneroka, menerima pembelajaran dengan cepat, menguasai sesuatu bahasa dengan baik, kemahiran penaakulan, rasa ingin tahu yang tinggi dan berkeyakinan tinggi (Mary Dorette & Okoye, 2013). Penggunaan filem dalam PdPc subjek Sejarah dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang seronok yang mana pelajar PB teruja untuk mengetahui jalan cerita yang berlaku dalam filem tersebut dari awal hingga akhir dengan penuh debaran.

2.2. Pembelajaran Berasaskan Filem Yang Diamalkan Oleh Guru Di Dalam Kelas

Menurut Asiah Sarji, Faridah dan Mazni (1996) filem sebagai imej yang terhasil dalam bentuk visual bergerak yang mengandungi unsur-unsur penceritaan yang ditulis, diolah dalam bentuk dialog, visual dan bunyi yang kemudiannya dipamerkan secara tayangan di panggung-panggung wayang dan televisyen. Filem dengan gabungan imej, bahasa dan aksi dianggap sebagai suatu sumber pembelajaran yang menarik minat secara semula jadi berbanding dengan teks bercetak dan memberi peluang kepada pelajar untuk hidup dalam budaya yang berbeza (Truong & Tran, 2014). Dalam kaedah PdPc subjek Sejarah, perbincangan mengenai filem adalah suatu yang menguja dan memberi ruang untuk melakukan refleksi (Rates, Silva & Pessalacia, 2014). Malah, filem mampu merangsang deria, mengeluarkan konsep-abstrak, menghubungkan emosi serta memahami Sejarah dan mewujudkan persekitaran aktif di dalam kelas (Donelly, 2014; Kuzma & Haney, 2001; Paxton & Marcus, 2018).


Rajah 2 menjelaskan penggunaan filem dalam PdPc subjek Sejarah yang diaplikasikan oleh guru dalam subjek Sejarah Asia Tenggara. Topik pertama adalah Tamadun Awal Asia Tenggara yang mana para pelajar dipertontonkan dengan filem Hikayat Merong Mahawangsa. Filem ini bergenre epik yang diterbitkan oleh KRU Studios di bawah arahan Yusry Abdul Halim dan penulis skripnya iaitu Amir Hafizi. Menurut Mohamed Nazreen dan Md. Salleh (2014) Hikayat Merong Mahawangsa secara asasnya merupakan sebuah karya agung Melayu terpenting dalam meriwayatkan sejarah asal usul negeri Kedah serta salasilah keturunan Kesultanan Kedah. Berdasarkan filem yang ditonton, para pelajar perlu menganalisis keaslian sumber bagi filem tersebut, menjelaskan barang dagangan yang dibawa oleh para pedagang yang mereka dapat lihat dalam filem tersebut, membuat perbezaan peralatan perang yang digunakan oleh tentera Rom, China dan rakyat tempatan, menjelaskan kepercayaan masyarakat yang ditunjukkan dalam filem tersebut, dan akhir sekali menilai kehidupan masyarakat setempat sama ada mereka berasal dari kerajaan Agraria mahupun Maritim.

Berkenaan topik kedua iaitu Transfromasi Masyarakat Asia Tenggara (Indonesia), para pelajar dipertontonkan filem bertajuk Kartini; The Princess of Java yang mengisahkan perjuangan Kartini atau Raden Adjeng Kartini yang tidak bersetuju dengan amalan kuno yang diamalkan oleh masyarakat Jawa ketika itu dan bercita-cita untuk memperjuangkan kesamarataan hak khususnya bagi pendidikan kaum wanita. Kartini adalah dari golongan priyayi (bangsawan) yang mempunyai pemikiran progresif untuk membebaskan dirinya serta kaum wanita yang lain dari rasa terkongkong oleh tradisi, feudalisme, dan agama (Heny Solekhah, 2018). Berdasarkan filem yang ditonton, para pelajar diminta untuk menjelaskan perasaan Raden Adjeng Kartini sebagai anak peribumi, menjelaskan sama ada wakil Belanda di Indonesia mahu membantu Raden Adjeng Kartini dalam menaikkan taraf wanita ataupun mengekploitasi kebolehan yang beliau ada dalam penulisan,

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

mengandaikan taraf ekonomi golongan artisan di masa hadapan sekiranya hasil ukiran mereka terkenal di Belanda, mengkritik budaya masyarakat ketika itu yang memaksa wanita untuk menerima pinangan mana-mana lelaki sebagai pasangan hidup mereka, dan akhir sekali mengandaikan sumbangan yang mereka boleh lakukan sekiranya mereka menjadi pemimpin masyarakat ketika itu.

Rajah 2 : Perbincangan Filem di dalam kelas



Memandangkan kedua-dua filem ini boleh didapati dari Youtube, pelajar boleh menonton terus dari Youtube mengikut kesesuaian masa pelajar. Malahan, untuk kemudahan para pelajar, guru juga memuat naik filem tersebut dalam Google Classroom beserta soalan-soalan perbincangan bagi kedua-dua filem tersebut dalam bentuk google form bagi memudahkan penyerahan jawapan kepada guru untuk disemak serta dibincangkan di dalam kelas bersama-sama pelajar. Soalan-soalan perbincangan yang diberikan oleh guru adalah dengan menerapkan elemen KPS. Menurut Nurhijrah et al. (2018) pengintegrasian KPS dalam PdPc sebenarnya merupakan salah satu bentuk pemikiran yang selari dengan taksonomi Bloom yang secara tidak langsung menjadi asas kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran Sejarah. Di samping itu, elemen pemikiran aras tinggi juga diterapkan melalui tontonan filem antaranya melakukan interpretasi peristiwa yang lepas atau implikasinya pada hari ini (Metzger, 2010).

3. Metod Kajian

Kaedah penyelidikan yang digunakan sepanjang kajian ini dijalankan adalah berbentuk tinjauan bagi melihat persepsi pelajar PB terhadap penggunaan filem dalam PdPc subjek Sejarah. Menurut Asenahabi (2019) penyelidikan jenis ini memberikan huraian berbentuk numerik tentang sikap, pendapat atau trend populasi dengan mengkaji sampel populasi tersebut.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3.1. Sampel Kajian

Secara ringkasnya, kajian soal selidik ini telah dijalankan dengan mengumpulkan data-data dari kajian soal selidik tertutup. Ibu bapa hanya perlu menandakan 'Ya' atau 'Tidak' pada soal selidik yang diberikan yang mana bersesuaian atau tidak dengan ciri-ciri pintar dan berbakat yang ada pada anak-anak mereka. Persampelan pula dibuat secara bertujuan iaitu dengan melibatkan 97 orang ibubapa kepada kanak-kanak yang menyertai perkhemahan ini.

3.2. Pengumpulan Data

Secara ringkasnya, kajian soal selidik ini telah dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif yang mana data-data yang dikumpulkan adalah berdasarkan kepada kajian soal selidik yang menggunakan skala likert dengan 5 pilihan jawapan iaitu 1-5 (sangat setuju – sangat tidak setuju). Instrumen soal selidik ini telah diadaptasi berdasarkan item-item di dalam Instrumen Soal Selidik; Tinjauan Persepsi Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Sejarah Sekolah Rendah dengan Pendekatan Konstruktif Rohaimi dan Ramlah (2015). Ianya telah diguna pakai dengan mengubah suai soal selidik tersebut mengikut kesesuaian kajian yang dijalankan kepada para pelajar PB Tahap 1 di KGPN, UKM. Analisis deskriptif digunakan bagi kajian soal selidik ini bagi melihat perbezaan skor min dan peratusan bagi tinjauan persepsi pelajar PB terhadap penggunaan filem dalam PdPc subjek Sejarah.

3.3. Instrumen Kajian

Jadual 1 menunjukkan bahawa Nilai Cronbach's Alpha bagi kajian soal selidik yang dijalankan adalah 0.975. Oleh yang demikian, kajian soal selidik yang telah digunakan kepada para pelajar PB bagi Tahap 1 berkaitan dengan kajian yang bertajuk Tinjauan Persepsi Pelajar PB terhadap penggunaan filem dalam PdPc subjek Sejarah ini boleh dipercayai.

Jadual 1 : Nilai Cronbach's Alpha bagi Kebolehpercayaan Item

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Berdasarkan Item Standard	N Item
.975	.975	30

3.4. Penganalisisan Data

Setelah soal selidik di kalangan responden yang terlibat selesai, perisian SPSS V 2.0 digunakan bagi menganalisis data-data dari soal selidik yang dijawab oleh para responden. Analisis yang dilakukan bagi kajian ini adalah analisis deskriptif. Statistik deskriptif digunakan bagi menghuraikan ciri-ciri pemboleh ubah seperti demografi responden bagi mendapatkan nilai min dan peratusan. Ujian Anova juga digunakan untuk menganalisis tahap persepsi pelajar PB terhadap penggunaan filem dalam PdPc subjek Sejarah berdasarkan pencapaian gred antaranya gred tinggi (A dan B), sederhana (C dan D), dan rendah (E, F dan G). Jadual 2 merujuk kepada interpretasi tahap persepsi murid dalam kajian yang dijalankan dengan berdasarkan kepada tiga tahap skor min iaitu rendah, sederhana dan tinggi yang diadaptasi dari kajian Siti Fatimah dan Ab. Halim (2010).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 2: Skala Interpretasi Skor Min

Julat Skor Min	Tahap
- 2.34	Rendah
2.35 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Siti Fatimah dan Ab. Halim (2010)

4. Hasil Kajian

1. Tahap persepsi pelajar terhadap keberkesanan filem dalam PdPc subjek Sejarah

Jadual 3 menunjukkan bahawa keputusan analisa bagi min persepsi pelajar terhadap penggunaan filem dalam PdPc subjek Sejarah adalah tinggi. Dari segi itemnya pula, pembelajaran Sejarah melalui filem lebih mudah diingati merupakan min yang tertinggi iaitu (M=4.31), diikuti item aktiviti yang dijalankan berdasarkan filem adalah sangat berkesan iaitu (M=4.17), manakala item penggunaan audio dan visual yang menarik dalam filem membantu untuk menarik minat pelajar untuk mempelajari Sejarah ialah (M=4.25), seterusnya adalah item pembelajaran menggunakan filem dalam meningkatkan semangat pelajar untuk mencari maklumat yang berkaitan sama ada melalui bahan bercetak ataupun internet ialah (M=4.11), diikuti pula item pelajar dapat mengingati keseluruhan jalan cerita dengan lebih mudah iaitu (M=4.3), seterusnya penggunaan filem berunsurkan Sejarah dapat meningkatkan keberanian pelajar untuk berbincang berkenaan topik Sejarah bersama rakan-rakan yang lain ialah (M=3.86).

Jadual 3: Persepsi Pelajar terhadap Keberkesanan Filem dalam PdPc Subjek Sejarah

Item	Min	Interpretasi
Pembelajaran Sejarah melalui filem lebih mudah diingati.	4.31	Tinggi
Aktiviti yang dijalankan berdasarkan filem adalah sangat berkesan.	4.17	Tinggi
Penggunaan audio dan visual yang menarik dalam filem membantu untuk menarik minat pelajar untuk mempelajari Sejarah.	4.35	Tinggi
Filem berunsurkan Sejarah memudahkan pemahaman pelajar.	4.25	Tinggi
Pembelajaran menggunakan filem dapat meningkatkan semangat pelajar dalam mencari maklumat yang berkaitan sama ada melalui bahan bercetak ataupun internet.	4.11	Tinggi
Pelajar dapat mengingati keseluruhan jalan cerita dengan lebih mudah.	4.3	Tinggi
Penggunaan filem berunsurkan Sejarah dapat meningkatkan keberanian pelajar untuk berbincang berkenaan topik Sejarah bersama rakan-rakan yang lain.	3.86	Tinggi

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa min bagi persepsi pelajar PB terhadap penggunaan filem dalam PdPc subjek Sejarah adalah tinggi. Oleh itu, keberkesanan penggunaan filem dalam PdPc subjek Sejarah sangat membantu dalam menarik minat pelajar PB untuk mempelajari Sejarah. Walaupun para guru sedar bahawa penggunaan filem mempunyai kekangan masa, ianya tetap menjadi pilihan kerana ianya boleh mendemonstrasikan isi kandungan pengajaran melalui sumber audio dan visual, mencetuskan kepelbagaian kaedah pengajaran dan dapat meningkatkan sifat empati dalam diri pelajar (Donelly,


© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

2014; Wagner, 2018). Sesuai dengan perkembangan teknologi, penggunaan filem merupakan kaedah yang praktikal serta fleksibel (Muhammad Azmi, 2017). Nilai murni yang paling menonjol dalam filem Bukit Kepong ialah semangat kewarganegaraan (Rosnaini, 1998).

4.2. Perbezaan min bagi konstruk keberkesanan filem dalam PdPc subjek Sejarah

Graf 1 menunjukkan bahawa keputusan analisa bagi min konstruk keberkesanan filem dalam PdPc subjek Sejarah adalah tinggi. Hasil analisa tersebut menunjukkan bahawa konstruk kemudahan akses menunjukkan min yang tertinggi iaitu (M=4.37), diikuti oleh min bagi konstruk motivasi ialah (M=4.24), seterusnya min bagi konstruk kemahiran pemikiran Sejarah (KPS) adalah (M=4.11) dan akhir sekali min konstruk sikap ialah (M=4.07).

Graf 1 : Min Konstruk bagi Konstruk Keberkesanan Filem dalam PdPc Subjek Sejarah




Hasil dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa min bagi semua konstruk keberkesanan filem dalam PdPc subjek Sejarah adalah tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar PB memberikan respons yang baik terhadap penggunaan filem dalam PdPc subjek Sejarah. Filem juga boleh digunakan sebagai bahan tambahan pengajaran di dalam kelas serta menggalakkan pelajar berfikir secara kritis (Metzger, 2010). Filem juga boleh ditonton berulang kali untuk meningkatkan kefahaman terhadap sesuatu kisah Sejarah kerana karya filem sentiasa berkembang dengan fakta yang disampaikan oleh guru berbanding pengajaran menggunakan *slide* dan filem jalur (Mohamad Johdi & Ariegusrini Agus, 2009). Filem yang bersifat santai membuatkan pelajar PB berasa tidak tertekan untuk mengingati peristiwa Sejarah berbanding menghafal fakta semata-mata. Melalui naratif filem, ianya boleh menggarap KPS pelajar dengan memikirkan tentang kepentingan, sebab dan akibat yang berlaku, dan tafsiran dari filem tersebut (Metzger, 2010).

4.3. Tahap kefahaman pelajar terhadap keberkesanan filem dalam PdPc subjek Sejarah mengikut gred

Graf 2 menunjukkan bahawa keputusan analisa bagi tahap kefahaman pelajar PB terhadap keberkesanan filem dalam PdP subjek Sejarah adalah bagi gred tinggi (A dan B) menunjukkan kefahaman yang lebih tinggi iaitu 93% berbanding pelajar yang mempunya gred sederhana (C dan D) dan gred yang terendah (E, F dan G) iaitu 4%.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Graf 2 : Tahap Kefahaman Pelajar terhadap Keberkesanan Filem dalam PdPc Subjek Sejarah mengikut Gred



Berdasarkan kajian ini juga jelas menunjukkan tahap kefahaman pelajar terhadap keberkesanan filem dalam PdPc subjek Sejarah mengikut gred adalah berbeza-beza yang mana gred tertinggi mempunyai peratusan yang lebih tinggi berbanding dengan gred sederhana dan gred rendah. Ini bermakna pelajar yang mempunyai gred tertinggi sangat seronok dengan konsep pembelajaran sebegini, yang mana sambil menonton, pelajar turut terhibur dan banyak pengajaran yang perolehi dari filem tersebut. Melalui filem, ianya dapat memberi gambaran kepada pelajar PB mengenai situasi serta perasaan yang pernah mereka alami sebelum ini (Kangas, Cook, & Rule, 2017). Pembelajaran kolaboratif dapat diwujudkan dengan penggunaan filem di dalam kelas (Samina, 2018). Berbanding dengan tahap kefahaman pelajar PB yang mempunyai gred sederhana dan rendah, alternatif lain perlu difikirkan oleh para guru bagi mencakupi keperluan pelajar dalam pembelajaran Sejarah di dalam kelas. Guru yang tidak mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai pelajar PB akan membuat percaturan yang salah berkaitan dengan keperluan akademik, perkembangan sosial dan emosi pelajar ini (Feyzullah Sahin & Faruk Levent, 2015). Pelajar PB juga mempunyai ciri-ciri tersendiri, sehinggakan antara mereka juga mempunyai perbezaan yang tersendiri (Martinez, Caceres, Rosa, & Leon, 2021; Burak Turkman, 2020). Guru harus mengembalikan motivasi pelajar PB dalam pembelajaran antaranya dengan penggunaan filem dalam PdPc Sejarah kerana ianya mampu mengasah kemahiran imaginasi pelajar serta melahirkan rasa empati di kalangan mereka (Donelly, 2014; Lutfu Cakir, 2014). Pengajaran keterbezaan diperlukan untuk membantu pelajar PB yang mempunyai pencapaian potensi yang berbeza-beza (Bennett & Northcote, 2016; Burak Turkman, 2020).

Oleh yang demikian, penggunaan filem dalam PdPc subjek Sejarah ini amat bersesuaian dengan pelajar PB yang mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi. Ini kerana kebolehan kognitif pelajar PB amat berbeza dengan rakan sebaya mereka antaranya kemampuan untuk mempelajari sesuatu perkara dengan lebih mendalam (Mary Dorette & Okoye, 2013). Pelajar PB mempunyai kriteria yang tertentu antaranya suka bertanyakan soalan, rasa ingin tahu yang tinggi, dan suka untuk terlibat dalam apa-apa aktiviti yang memerlukan penumpuan secara mental mahupun fizikal (Burak Turkman, 2020). Pelajar PB berkemampuan untuk menghasilkan sesuatu yang istimewa yang mana berbeza dengan kemampuan rakan sebaya mereka dari segi kreativiti, motivasi, dan kekuatan mental (Murat Tekin & Ozden Tasgin, 2009). Pelajar yang mempunyai kebolehan kognitif yang tinggi khususnya kebolehan untuk mencapai prestasi yang terbaik di sekolah dikelaskan sebagai pelajar PB termasuklah mempunyai daya kreativiti tertentu (Martinez et al., 2021).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap persepsi pelajar PB terhadap keberkesanan filem dalam PdPc subjek Sejarah, perbezaan min bagi konstruk keberkesanan filem dalam PdPc subjek Sejarah dan tahap kefahaman pelajar PB terhadap keberkesanan filem dalam PdPc subjek Sejarah berdasarkan gred. Berdasarkan kepada kajian tersebut, ia menunjukkan bahawa min bagi persepsi pelajar PB dan min konstruk keberkesanan pelajar PB terhadap penggunaan filem dalam PdPc Sejarah adalah tinggi. Malahan, tahap kefahaman pelajar terhadap keberkesanan filem dalam PdPc subjek Sejarah mengikut gred adalah berbeza-beza; yang mana gred tertinggi mempunyai peratusan yang lebih tinggi berbanding dengan gred sederhana dan gred rendah.

Justeru, penggunaan filem dalam PdPc subjek Sejarah ini telah memberi kesan yang amat positif kepada pelajar PB, menambah minat untuk mempelajari subjek Sejarah melalui kaedah yang lebih santai serta menggunakan KPS dalam sesi pembelajaran di dalam kelas. Namun demikian, terdapat pelbagai kekangan seperti limitasi memperoleh filem tempatan yang berunsurkan Sejarah yang bersesuaian dengan kurikulum pembelajaran pelajar PB. Malahan, filem antarabangsa juga ada kalanya perlu kepada pembayaran yang khusus sekiranya hendak menonton secara atas talian. Oleh yang demikian, para pengkarya filem amatlah digalakkan untuk menghasilkan pelbagai filem yang bergenre Sejarah berdasarkan fakta yang tepat kerana ia secara langsung dapat menyumbang dalam PdPc yang lebih kreatif selari perkembangan dunia pendidikan semasa.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada semua responden atas kerjasama yang telah diberikan dalam menjayakan penyelidikan ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini menerima dana daripada Dana Penyelidikan Pusat GENIUS@Pintar Negara, UKM.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rujukan

Asiah Sarji, Faridah Ibrahim & Mazni Buyong. (1996). *Pola pengamalan professionalisma dalam industri filem di Malaysia*. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia.

Bennett, H. & Northcote, M. (2016). Underachieving gifted students: Two case studies issues. *Issues in Educational Research*, *26*(3), 407-430. https://research.avondale.edu.au/edu_papers/92/

Asenahabi, B.M. (2019). Basics of research design: A Guide to selecting appropriate research design. *International Journal of Contemporary Applied Researches*, *6*(5), 76-89. https://www.ijcar.net/

Burak Turkman. (2020). The evolution of the term of giftedness & theories to explain gifted characteristics. *Journal of Gifted Education and Creativity*, *7*(1), 17-24. https://dergipark.org.tr/tr/download/article-file/970337

Donelly, D. (2014). Using feature film in the teaching of history: The practioner decision-making dynamic. *Journal of International Social Studies*, *4*(1), 17-27. https://eric.ed.gov/?id=EJ1149457

Feyzullah Sahin & Faruk Levent. (2015). Examining the methods and strategies which classroom teachers use in the education of gifted students. *The Online Journal of New Horizons in Education*, *5*(3), 69-78. https://www.tojned.net/journals/tojned/articles/v05i03/v05i03-08.pdf

Heny Solekhah. (2018). Kartini: A priyayi and her confronting thoughts about limited education during Dutch colonialism. *International Journal of Multidisciplinary Thought*, *7*(3), 371–380.

Kangas, T.C., Cook M., & Rule A.C. (2017). Cinematherapy in gifted education identity development: integrating the arts through stem-themed movies. *Journal of STEM Arts, Crafts, and Constructions*, *2*(2), 45-65. https://scholarworks.uni.edu/journal-stem-arts/vol2/iss2/3/

Kuzma, L. M., & Haney, P. J. (2001). And action! Using film to learn about foreign policy. *International Studies Perspectives*, *2*(1), 33-50. https://doi.org/10.1111/1528-3577.00036

Lezah@ Lejah Kiamsin & Rosy Talin. (2018). Kaedah pengajaran sejarah yang diminati pelajar dan justifikasinya. *Malaysian Jurnal of Social Sciences & Humanities*, *3*(2), 137-145. https://doi.org/10.47405/mjssh.v3i2.92

Lutfu Cakir. (2014). The relationship between underachievement of gifted students and their attitudes toward school environment. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 152, 1034 – 1038. https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042814053361?via%3Dihub

Martinez I.G, Caceres R.G, Rosa A.L., & Leon S.P. (2021). Review analysing educational interventions with gifted students : Systematic Review. *Children*, *8*(365), 1-15. https://doi.org/10.3390/children8050365

Mary Dorette B. U. & Okoye. (2013). Roles of parents and teachers in the identification and development of gifted/talented students. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, *2*(10), 25-35. https://www.mcser.org/journal/index.php/ajis/article/viewFile/1693/1697

Metzger S.A. (2010). Maximizing the educational power of history movies in the classroom. *The Social Studies*, 10, 127-136. https://www.researchgate.net/publication/240538799_Maximizing_the_Educational_Power_of_History_Movies_in_the_Classroom

Mohamad Johdi Salleh & Ariegusrini Agus. (2009). Transformasi Pengajaran Sejarah Berasaskan Multimedia. In Abdul Razaq & Isjoni (Eds.), Penerbitan Bersama Fakulti

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Pendidikan UKM; Bangi dan FKIP; Riau, Pekan Baru Indonesia. 113-126. http://irep.iium.edu.my/13314/1/Chapter__Transformasi_Pgjran_Sejarah_berasaskan_Multimudia_-_2009.pdf

Mohamed Nazreen Shahul Hamid & Md. Salleh Yaapar. (2015). Adaptasi teks Hikayat Merong Mahawangsa kepada filem: Analisis perbandingan unsur naratif Melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, *8*(2), 201-223. http://jurnal.dbp.my/index.php/Melayu/article/view/4488

Muhammad Azmi. (2017). Learning history through historical movies: Bringing living history into classroom. *Advances in Social Sciences, Education and Humanities Research*, 158, 473-479. file:///C:/Users/Ghost%20PC/Downloads/25885770%20(2).pdf

Murat Tekin & Ozden Tasgin. (2009). Analysis of the creativity level of the gifted students. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 1, 1088–1092. https://www.researchgate.net/publication/248606715_Analysis_of_the_creativity_level_of_the_gifted_students

Nurhijrah Zakaria, Anisah Harun, Rosmani Ali, Hasnul Hadi Tengah, Mazuki Abdul Razak, Hamidi Salleh, Mansor Ab Rahman. (2018). Pengintegrasian kemahiran pemikiran sejarah dalam pengajaran sejarah oleh guru pelatih program pendidikan sejarah semasa praktikum. *Jurnal Penyelidikan Akademik IPGM*, 3, 1-5.

Paxton, R.J. & Marcus, A.S. (2018). Film media in history teaching and learning. In Metzger S.A & Harris L. M. (Eds.). *The Wiley International Handbook of History Teaching and Learning*. (pp. 579-601). United States: Wiley-Blackwell. https://onlinelibrary.wiley.com/doi/10.1002/9781119100812.ch22

Rates, P., Silva, M., & Pessalacia, R. (2014). The use of films as a teaching tool for the teaching-learning process in bioethics. *Invest Educ Enferm*, *32*(3), 421-429. https://www.researchgate.net/publication/269716142_The_use_of_films_as_a_teaching_tool_for_the_teaching-learning_process_in_bioethics

Renzulli, J.S. (2012). Reexamining the role of gifted education and talent development for the 21st century: A four-part theoretical approach. *Gifted Child Quarterly*, *56* (3),150–159. https://www.researchgate.net/publication/254093931_Reexamining_the_Role_of_Gifted_Education_and_Talent_Development_for_the_21st_Century_A_Four-Part_Theoretical_Approach

Rohaimi Ishak & Ramlah Jantan. (2015). Tinjauan persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah sekolah rendah. *Asian Education Action Research Journal*, 4, 64-80. file:///C:/Users/Ghost%20PC/Downloads/2559-Article%20Text-4889-1-10-20190715.pdf

Rosnaini Mahmud. (1998). *Nilai-nilai murni dalam filem "Bukit Kepong" dan penggunaan filem dalam pengajaran*. Selangor: Universiti Putra Malaysia. http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/9065/1/FPP_1998_69_A.pdf

Rosy Talin. (2014). The Teaching of History in Secondary Schools. *International Journal of Social Science and Humanities Research*, *2*(3), 72-78. https://www.academia.edu/10726288/The_Teaching_of_History_in_Secondary_Schools

Samina Mishra. (2018). The world in the classroom: Using film as a pedagogical tool. *SAGE Journals*, *15*(1), 111-116. https://doi.org/10.1177/097318491774225

Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri. (2010). Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, *2*(2), 53-64. http://eprints.utm.my/id/eprint/45456/

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Truong, L. B & Tran, L. T. (2014). Student's intercultural development through language learning in Vietnamese tertiary education: A case study on the use of film as an innovative approach. *Language and Intercultural Communication*, *14*(2), 207-225. https://doi.org/10.1080/14708477.2013.849717

Wagner D. A. (2018). Teacher's use of film in the history classroom: A survey of 19 high school teachers in Norway. *Journal of Humanities and Social Science Education,* 22 – 44. https://journals.lub.lu.se/nordidactica/article/view/19061

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).